

**DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA, DI PUTRAJAYA
(BIDANGKUASA RAYUAN)**

RAYUAN SIVIL NO. 02-8-2006 (W)

ANTARA

LEMBAGA TATATERTIB PEGUAM-PEGUAM ... PERAYU

DAN

**1.HOO LIN COLN ... RESPONDEN-
2.WONG WENG WOH RESPONDEN**

DAN

MAJLIS PEGUAM MALAYSIA ... BAKAL PENCELAH

**(Dalam Rayuan Sivil No. R-17B-28-2005
Dari Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur)**

KORAM

**NIK HASHIM BIN NIK AB. RAHMAN, HMP
AUGUSTINE PAUL, HMP
ABDUL AZIZ MOHAMAD, HMP**

28 OGOS 2008

Alasan Penghakiman Nik Hashim Nik Ab. Rahman, HMP

1. Melalui Notis Usul Kandungan 48(a) (“Permohonan”), Majlis Peguam Malaysia (“MP”), bakal pencelah, telah memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran bagi mencelah dalam rayuan ini di bawah seksyen 103E Akta Profesion Undang-Undang 1976 (‘Akta’).
2. Permohonan ini telah disokong oleh affidavit Lim Chee Wee, Setiausaha Kehormat MP manakala Hoo Lin Coln, Responden Pertama, telah membantah permohonan ini.
3. Pada 23.5.2008, selepas mendengar semua pihak, Mahkamah ini dengan majoriti (Abdul Aziz Mohamad, HMP, menentang) telah menolak Permohonan MP tanpa kos.
4. Di dalam kes ini, Responden Pertama telah merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap Perintah Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam (Perayu) bertarikh 19.8.2005 yang mensabitkan Responden Pertama kerana salahlaku di bawah seksyen 94 Akta. Sabitan tersebut adalah atas alasan bahawa Responden Pertama telah bertindak dengan tidak jujur dan secara fraud semasa melaksanakan kewajipan profesionnya, di antaranya adalah, Responden Pertama telah meminta agar anakguam firma Tetuan Manjit Singh, Mohammad Radzi & Partners membayar sejumlah wang kepada Responden Pertama tanpa pengetahuan firma tersebut. Responden Pertama telah menyimpan wang tersebut untuk dirinya sendiri.

- Perayu telah memerintahkan agar nama Responden Pertama dikeluarkan daripada Daftarai selaras dengan seksyen 103C Akta.
5. Pada 2.9.2005 Responden Pertama telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan Perayu ke Mahkamah Tinggi. Notis rayuan telah diserahkan kepada MP menerusi Pos Berdaftar pada 6.9.2005. Notis yang sama telah diserahkan secara kediri kepada MP pada 8.9.2005. Pada 22.9.2005 pihak Responden Pertama telah menyerahkan notis usul untuk penggantungan perintah Perayu kepada MP. Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan penggantungan sementara terhadap keputusan Perayu pada 30.9.2005.
 6. Pada 24.10.2005, Responden Pertama telah menyerahkan rekod rayuan kepada MP. Menerusi surat bertarikh 10.10.2005, Responden Pertama telah memaklumkan MP bahawa tarikh pendengaran rayuan di Mahkamah Tinggi telah ditetapkan pada 6.2.2006. Walau bagaimanapun, MP tidak hadir ke Mahkamah pada tarikh tersebut.
 7. Pada 20.2.2006 Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan Responden Pertama. Perayu kemudiannya merayu ke Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu. Pada 4.12.2006, Perayu telah menyampaikan rekod rayuan itu kepada MP. Mahkamah ini telah bersidang pada 23.7.2007, 29.10.2007 dan 31.10.2007 untuk pendengaran notis-notis usul kandungan 18(a), 22(a), 35(a) dan bantahan awal.

8. Sepanjang tempoh tersebut, didapati pihak MP tidak pernah menyatakan hasrat atau hadir atau menyerahkan apa-apa permohonan untuk mencelah di dalam mana-mana peringkat yang dinyatakan di atas.
9. Adalah diperhatikan bahawa MP melalui suratnya bertarikh 10.11.2000 menyatakan aduan Syarikat Kiew Brothers (“aduan pertama”) terhadap Responden Pertama dianggap tutup selepas syarikat tersebut menarik balik aduannya. Memandangkan aduan pertama itu secara substancialnya serupa sebagaimana aduan dalam kes ini, sepatutnya MP boleh bertindak terhadap aduan pertama tersebut. Namun demikian, MP memilih untuk tidak mengambil apa-apa tindakan. Hanya pada 11.12.2007, barulah MP memfailkan Permohonan untuk kebenaran bagi mencelah.
10. Peguam yang bijaksana bagi pihak MP dalam hujahannya menyatakan bahawa peruntukan seksyen 103E Akta membolehkan MP atas budi bicaranya membuat Permohonan pada mana-mana peringkat dalam mana-mana rayuan. Beliau memetik keputusan Privy Council dalam kes **Pegang Mining Co. Ltd v Choong Sam & ors. (1969) 2 MLJ 52**, untuk menyokong hujahannya.
11. Juga diperhatikan bahawa peruntukan seksyen 103E Akta telah dipinda menerusi Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2006 (“Akta A 1269”) yang berkuatkuasa mulai 2.10.2006 vide P.U.(B) 248/2006. Walau bagaimanapun, oleh kerana kes ini telah berlaku sebelum kuatkuasanya pindaan

tersebut, maka seksyen 103E(4) yang lama adalah terpakai. Tambahan pula, pindaan tersebut tidak menyatakan ia berkuatkuasa kebelakangan. Menerusi Akta A 1269, peruntukan itu sekarang terkandung dalam seksyen 103E(6) Akta.

12. Seksyen 103E(4) Akta memperuntukkan bahawa :

“(4) Majlis Peguam **boleh atas budi bicaranya mencelah pada mana-mana peringkat** apa-apa rayuan di bawah seksyen ini.”
(tekanan diberi)

[The Bar Council may in its discretion intervene at any stage of any appeal under this section].

13. Seksyen 103E(4) Akta memperuntukkan bahawa MP boleh atas budi bicaranya mencelah pada mana-mana peringkat rayuan ini. Ayat **‘boleh atas budi bicaranya mencelah pada mana-mana peringkat’** bukan bererti budi bicara mutlak MP untuk mencelah pada mana-mana peringkat tanpa kawalan Mahkamah keatasnya. Ayat itu hanya memberi MP budi bicara untuk memutuskan pada peringkat mana prosiding dimana MP boleh memohon untuk mencelah di bawah seksyen 103E(4) Akta. Tafsiran ini adalah selaras dengan Aturan 15 kaedah 6 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (‘KMT’), yang mana hak untuk memberi kebenaran atau menolak suatu permohonan untuk mencelah adalah terletak kepada budi bicara mahkamah (lihat Malaysian High Court Practice – 2001 Desk Ed. 1 [para : 15.6.3] m.s. 365).

14. Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan hujahan peguam yang bijaksana bagi pihak Responden Pertama bahawa peraturan-peraturan yang mendasari hak MP untuk mencelah di bawah seksyen 103E(4) Akta adalah sama dengan hak mana-mana pihak yang berkepentingan untuk mencelah sepertimana diperuntukkan di bawah Aturan 15 kaedah 6 KMT. Jadi, prinsip yang terpakai bagi Mahkamah menimbang Permohonan di bawah seksyen 103E(4) Akta adalah sama dengan permohonan yang dibuat di bawah Aturan 15 kaedah 6 KMT.
15. Selain daripada kes **Pegang Mining Co. Ltd.**, terdapat juga otoriti- otoriti lain yang memperjelaskan mengenai prinsip-prinsip undang-undang yang digunapakai oleh Mahkamah dalam mempertimbangkan permohonan untuk mencelah. Di antara otoriti-otoriti tersebut adalah :
- (i) **Hong Leong Bank Bhd v Staghorn Sdn Bhd & other appeals [2008] 2 CLJ 121, FC;**
 - (ii) **Hee Awa & Ors v Syed Muhammad Sazalay & Anor [1988] 1 MLJ 300, SC;**
 - (iii) **Chan Yee v Chan Yoke Fong [1990] 2 CLJ 737, SC; dan**
 - (iv) **Arab Malaysian Merchant Bank Bhd. v Dr. Jamaludin Dato' Mohd. Jarjis [1991] 2 CLJ 862, SC.**
16. Di antara prinsip-prinsip yang telah diputuskan di dalam kes-kes di atas ialah :

- (i) Permohonan untuk mencelah boleh dibuat pada mana-mana peringkat prosiding dan ia hendaklah dibuat secepat mungkin. (**Hong Leong Bank Bhd**, supra).
- (ii) Permohonan hendaklah disokong oleh affidavit yang menyatakan persoalan atau isu yang timbul di antara pencelah dan pihak-pihak kepada prosiding (**Hong Leong Bank Bhd**, supra).
- (iii) Tujuan utama mencelah ialah untuk menghalang penduaan di dalam prosiding (**Chan Yee**, supra).
- (iv) Pemohon yang dijadikan pihak mestilah pemohon yang sepatutnya dijadikan pihak atau yang kehadirannya di mahkamah perlu bagi memastikan semua hal-hal yang dipertikaikan dapat diputuskan dan diadili sepenuhnya dengan berkesan (**Hee Awa & Ors**, supra).
- (v) Pemohon dibenarkan mencelah jika pemohon akan terjejas secara langsung dengan hak undang-undangnya atau kepentingan peribadinya (**Arab Malaysian Merchant Bank Bhd.**, supra).

17. Berdasarkan prinsip-prinsip di atas, Mahkamah, dalam melaksanakan budibicaranya sama ada untuk membenarkan sesuatu permohonan mencelah ataupun tidak, mestilah mengambilkira kepada ujian : “adakah hak atau liabiliti sesuatu pihak terhadap mana-mana pihak kepada tindakan yang menjadi perkara pokok kepada tindakan tersebut akan terjejas secara langsung dengan apa-apa perintah yang boleh dibuat dalam tindakan itu?”

[“will his rights against or liabilities to any party to the action in respect of the subject matter of the action be directly affected

by any order which may be made in the action?"] (**Pegang Mining Co. Ltd**, supra).

18. Budi bicara mahkamah atau dipanggil juga budi bicara kehakiman bermakna suatu penghakiman mahkamah yang dilaksanakan oleh hakim atau mahkamah berdasarkan apa yang adil dalam sesuatu hal keadaan serta berpandu kepada kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip undang-undang. (Sila lihat "judicial discretion" Black's Law Dictionary, 7th Ed. 1999 p 479).
19. Adalah menjadi tanggungjawab Mahkamah ini dalam melaksanakan budi bicaranya untuk mempertimbangkan Permohonan berasaskan affidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak-pihak berkaitan. Dan semestinya pertimbangan terhadap affidavit-afidavit yang difailkan itu melihat kepada kepentingan MP selaku bakal pencilah dalam hal kes ini, sama ada hak atau kepentingan MP terjejas secara langsung dengan apa-apa perintah yang bakal dibuat oleh Mahkamah dalam rayuan ini. Di dalam keputusan Mahkamah Agong dalam kes **Arab Malaysian Merchant Bank Bhd.**, supra, Gunn Chit Tuan HMA telah memetik *dictum* Lord Denning M.R., di dalam kes Mahkamah Rayuan Inggeris **Gurtner v Circuit [1968] 1 All ER 328** yang menyatakan :

"It seems to me that, when two parties are in dispute in an action at law and the determination of that dispute will directly affect a third person in his legal rights or in his pocket, in that he will be bound to foot the bill, then the court in its discretion may allow him to be added as a party on such terms as it

thinks fit. By so doing, the court achieves the object of the rule. It enables all matters in dispute 'to be effectually and completely determined and adjudicated upon' between all those directly concerned in the outcome."

Melihat kepada kandungan affidavit-afidavit MP yang difailkan, saya tidak nampak apa-apa kepentingan yang akan terjejas secara langsung oleh MP dengan rayuan ini, kerana pihak yang terjejas secara langsung ialah pihak Perayu.

20. Seawal 24.10.2005 lagi, pihak MP sudah menyedari wujudnya rayuan ke Mahkamah Tinggi. Dan pada 4.12.2006, MP sedia maklum mengenai rayuan di Mahkamah Persekutuan. Namun demikian, MP memilih untuk berdiam diri, satu isyarat bahawa MP tidak berminat terhadap kemajuan kes ini.
21. Ini ditambah lagi dengan kandungan affidavit Lim Chee Wee, satu-satunya deponen bagi pihak MP, yang bercanggah di antara satu dengan yang lain. Dalam affidavit sokongannya, MP menjelaskan bahawa alasan kelewatan dalam membuat Permohonan adalah disebabkan MP tidak dimaklum dengan tarikh pendengaran rayuan di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Persekutuan. Walau bagaimanapun, dalam affidavit lanjutan, MP menjelaskan bahawa MP hanya akan mencelah sekiranya pengadu, Wong Weng Woh (Responden Kedua) tidak lagi berminat untuk meneruskan rayuannya.
22. Sewajarnya Permohonan patut dibuat pada peringkat awal lagi, iaitu ketika rayuan di Mahkamah Tinggi. Tindakan

- MP memfailkan Permohonan atas alasan sebagaimana dinyatakan dalam afidavitnya : “..... amalan Majlis Peguam untuk hanya mempertimbangkan sama ada untuk mencelah dalam mana-mana rayuan dalam kes-kes dimana pengadu asal dalam prosiding tatatertib tidak lagi berminat sama ada untuk meneruskan atau untuk membela rayuan dan dalam keadaan-keadaan istimewa”, adalah satu alasan yang lemah dan tidak bermerit. Jika itu alasannya, maka MP bolehlah dianggap tidak bersungguh-sungguh dalam kewajipannya. Oleh itu, kelewatan MP memfailkan Permohonan dan tindakannya iaitu mendiamkan diri sehingga ke tahap ini selama dua tahun (24.10.2005 hingga 11.12.2007) adalah satu tindakan yang tidak munasabah untuk mewajarkan Permohonan dibenarkan.
23. MP juga di dalam afidavitnya menyatakan wujudnya keadaan istimewa yang menjustifikasikan Permohonannya untuk mencelah. Namun demikian, MP tidak menyatakan apakah keadaan istimewa tersebut. Adakah status Responden Kedua yang tidak lagi berminat untuk meneruskan rayuannya tergolong dalam keadaan istimewa? Sekiranya benar, itu hanyalah satu “ipse dixit” di pihak MP.
24. Responden Pertama telah menamakan Perayu sebagai pihak responden di dalam rayuannya di Mahkamah Tinggi. Malahan tindakan Responden Pertama menamakan Perayu sebagai pihak kepada rayuan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Dan satu faktor yang paling penting ialah Perayu merupakan satu entiti yang ditubuhkan dan diberi kuasa masing-masingnya di bawah seksyen-seksyen 93 dan 94 Akta.

Oleh yang demikian, sekiranya Permohonan ini dibenarkan, maka akan wujudlah penduaan pihak-pihak di antara MP dan Perayu. Malahan tindakan menamakan Perayu sebagai pihak kepada rayuan ini mungkin lebih sesuai berbanding menamakan MP memandangkan Perayu terlibat secara langsung dalam prosiding tatatertib yang melibatkan Responden Pertama. Undang-undang hanya memperakui pihak yang kehadirannya perlu bagi membantu perjalanan prosiding di mahkamah sahaja sebagai pihak yang layak untuk mencelah. Ini adalah sejajar dengan prinsip yang dinyatakan oleh Mohamed Azmi SCJ dalam keputusan Mahkamah Agung di dalam kes **Hee Awa & Ors**, supra, di m.s. 301 berkata :

“The person to be added as a party must be a person who ought to have been joined as a party or whose presence in court is necessary to ensure that all matters in dispute may be “effectually and completely determined and adjudicated upon”.”

25. Selain daripada itu, affidavit sokongan MP yang diikrarkan oleh Lim Chee Wee juga nampaknya cacat. Ini kerana, deponden affidavit ini gagal menyatakan dengan tepat sama ada beliau berkuasa untuk mengikrarkan affidavit-afidavit tersebut atau sebaliknya. Ini kerana perenggan 16 affidavit Lim Chee Wee yang diikrarkan pada 21.5.2008 menyatakan:

“... keputusan samaada untuk mencelah dalam apa-apa perkara adalah didelegasikan oleh Majlis Peguam kepada sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada (kosong) ...”

Deponen affidavit ini tidak pula menyebutkan apakah jawatankuasa yang membuat keputusan dan apakah komposisi

jawatankuasa tersebut. Kecacatan affidavit MP ini adalah material kepada permohonannya. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat bahawa pernyataan dalam affidavit tersebut tidak dibuat dengan sempurnanya.

26. Berdasarkan alasan-alasan tersebut, maka Mahkamah atas budi bicaranya telah menolak Permohonan MP dengan sewajarnya.
27. Yang Arif Augustine Paul, HMP telah membaca draf alasan penghakiman ini dan bersetuju dengannya.

28 Ogos 2008

(Dato' Bentara Istana Dato' Nik Hashim bin Nik Ab. Rahman)

Hakim
Mahkamah Persekutuan
Malaysia

Peguan:

Bagi pihak Bakal Pencelah : Robert Lazar
Tetuan : Shearn Delamore & Co.

Bagi pihak Perayu : Nitin Nadkarni
Tetuan : Lee Hishammuddin Allen & Gledhill

Bagi pihak Responden Pertama: Harjinder Singh
Amrit Pal Singh
Tetuan : Harjinder & Associates